

07 JAN 2003

Mahathir-Etika

BN BAKAL WUJUDKAN KOD ETIKA UNTUK ANGGOTANYA

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) akan mewujudkan satu kod etika bagi mengawalselia Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) dan Anggota Parlimen BN supaya mematuhi pendirian dan segala keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan tertinggi perikatan itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, draf kod etika BN itu akan dibuat dan dibincangkan pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN akan datang. Tarikh mesyuarat itu tidak dinyatakan.

"Di masa depan, semua anggota Dewan Rakyat daripada BN akan tertakluk kepada peraturan ini dan akan sepanjang masa patuh kepada pendirian BN," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN di sini, hari ini.

Sebelum ini, Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat berkata BN akan menyediakan kod etika untuk dipatuhi oleh anggota BN memandangkan pada masa ini tidak ada kod etika yang seragam untuk mengawalselia anggotanya yang kini hanya tertakluk kepada peraturan disiplin parti komponen masing-masing.

Langkah mengadakan kod etika itu timbul ekoran tindakan dua Adun MCA Pulau Pinang, Tan Cheng Liang (Jawi) dan Lim Boo Chang (Datuk Keramat) yang berkecuali ketika pengundian usul DAP pada sidang Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk menengguhkan projek Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORR).

Mereka kemudiannya dikenakan tindakan gantung tanpa had masa oleh MCA tetapi Dr Mahathir hari ini berkata BN akan menentukan tempoh mana mereka akan menjalani hukuman itu.

"Setelah berbincang, kita tidak perlu lagi menambah lagi hukuman tetapi perlu ditetapkan masa. Ramai anggota BN berpendapat kita perlu ada peraturan jelas akan tanggungjawab wakil-wakil rakyat BN.

"Kita setuju bahawa mereka semua perlu sokong kerajaan BN dan (mempunyai) pendirian yang sama antara mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata adalah menjadi tanggungjawab BN dan bukan lagi tanggungjawab MCA bagi menentukan had masa penggantungan itu.

-- BERNAMA

MFZ MAM PR